

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 16 JULAI 2014 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Naib Canselor UTP dilantik Felo Akademi Sains Malaysia	BERNAMA
2.	Belalai air landa Teluk Cempedak	KOSMO
3.	Amaran angin kencang, laut bergelora di Sabah	Sinar Harian
4.	Warning of strong winds and rough seas off Sabah	The Malay Mail
5.	Amaran angin kencang dan laut bergelora berikutan taufan Rammasun di Sabah	BERNAMA
6.	Angin kencang, laut bergelora di perairan Sabah berterusan sehingga esok	BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 16 JULAI 2014 (RABU)



Naib Canselor UTP Dilantik Felo Akademi Sains Malaysia

KUALA LUMPUR, 15 Julai (Bernama) -- **Naib Canselor Universiti Teknologi Petronas (UTP) Datuk Abdul Rahim Hashim dilantik sebagai Felo Akademi Sains Malaysia (ASM)** atas sumbangan beliau dalam bidang kejuruteraan dan disiplin ilmu sains komputer.

Abdul Rahim dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan ASM baru-baru ini, menurut kenyataan UTP di sini, Selasa.

Menurut kenyataan itu, dengan pelantikan Abdul Rahim, kini terdapat tiga Felo ASM berkhidmat di UTP, termasuk Prof Ir Dr Ahmad Fadzil Mohamad Hani (Sains Kejuruteraan) dan Prof Dr Norani Muti Mohamed (Matematik dan Sains Fizikal).

ASM adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan untuk menjalankan, menggalak dan meningkatkan kecemerlangan dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknologi untuk faedah manusia.

Menurut kenyataan itu, Abdul Rahim, seorang graduan kejuruteraan elektronik dan elektrik, telah berkhidmat dengan Petronas selama lebih 32 tahun dan telah memegang beberapa jawatan berprofil tinggi termasuk ketua pegawai eksekutif Syarikat Refinery Malaysia, ketua eksekutif Petronas Penapisan Melaka, naib presiden Pengurusan Sumber Manusia, naib presiden Gas Perniagaan dan naib presiden Bahagian Penyelidikan dan Teknologi.

Beliau juga merupakan Pengerusi dan pengarah pelbagai lembaga pengarah anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu Petronas termasuk Jawatankuasa Lembaga Audit Gas Malaysia, Asean LNG Trading Company Ltd, PICL (Mesir) Corporation Ltd, PETGAS (UK) Ltd dan Petronas Argentina S.A.

Abdul Rahim juga merupakan ahli bersekutu American Institute of Chemical Engineering dan pesuruhjaya Suruhanjaya Tenaga.

-- BERNAMA

Belalai air landa Teluk Cempedak

KUALA LUMPUR – Penduduk dan pelancong di sekitar Teluk Cempedak, Kuantan, Pahang dikejutkan fenomena puting beliung kecil atau belalai air yang berlaku di persisiran pantai pusat peranginan itu semalam.

Jurucakap **Jabatan Meteorologi Malaysia** berkata, fenomena yang dilaporkan terjadi pada pukul 7.30 pagi itu disebabkan oleh kejadian ribut petir dalam keadaan awan yang rendah.

Bagaimanapun tiada sebarang kerosakan dan ke malangan jiwa dilaporkan dalam kejadian berkenaan.

“Fenomena ini bukan dikategorikan sebagai puting beliung kerana ia terjadi dalam skala yang sangat kecil dan berlaku dalam masa singkat lebih kurang seminit sahaja.

“Ini merupakan fenomena yang biasa berlaku di kawasan persisiran pantai dan ia akan hilang apabila menghampiri permukaan darat,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Menurut jurucakap itu, walaupun fenomena belalai air tersebut tidak membawa bencana kepada orang awam, namun ia boleh mendatangkan bahaya kepada bot dan kapal-kapal kecil di kawasan tersebut.

Dalam pada itu, video berdurasi 35 saat yang menunjukkan fenomena seperti puting beliung yang berlaku di Teluk Cempedak tersebut turut dimuat naik ke laman sosial YouTube dan Facebook.

Pada Disember tahun lalu, kejadian sama turut dirakamkan berlaku di kawasan perairan Selat Tebrau, Johor yang mendapat perhatian pengguna laman sosial di negara ini.



BEGINILAH fenomena puting beliung kecil atau belalai air yang melanda Teluk Cempedak, Kuantan, Pahang semalam.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 09
TARIKH: 16 JULAI 2014 (RABU)

Amaran angin kencang, laut bergelora di Sabah

KUALA LUMPUR

- Jabatan Meteorologi
Malaysia mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora berikutan Taufan Rammasan yang dikesan 1,192 kilometer (km) ke timur Laut Sandakan, Sabah pada jam 5 pagi semalam.

Taufan berkenaan dikesan pada



MET Malaysia

Latitud 12.7 Utara dan Longitud 126.4 Timur yang bergerak ke arah barat dari kawasan itu dengan kelajuan 20km sejam.

Berikutnya itu keadaan angin kencang Barat Daya dengan kelajuan 40km hingga 50km sejam dengan ombak mencapai ketinggian sehingga

3.5 meter yang sedang berlaku di perairan Perlis dan Langkawi dijangka berterusan.

Ribut petir juga berlaku di perairan Kelantan, Terengganu, Pahang dan Sarawak (Mukah, Bintulu dan Miri). Keadaan itu juga berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi dan sukan laut.

- Bernama

KERATAN AKHBAR
THE MALAY MAIL (NEWS) : MUKA SURAT 15
TARIKH: 16 JULAI 2014 (RABU)

Warning of strong winds and rough seas off Sabah

KUALA LUMPUR — The Malaysian Meteorological Department has issued a warning of strong winds and rough seas for Sabah following the detection of Typhoon Rammasun 1,125km northeast of Sandakan, Sabah. The department warned of southwesterly winds of 40-50km/h and waves as high as 3.5m in the waters off Sabah's Kudat and west coast. Strong southwesterly winds are expected in Sulu, Palawan and Reef North until Friday. — Bernama

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 16 JULAI 2014 (RABU)



Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora Berikutan Taufan Rammasun Di Sabah

KUALA LUMPUR, 15 Julai (Bernama) -- [**Jabatan Meteorologi Malaysia**](#) pada Selasa mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora berikutan Taufan Rammasun yang dikesan kira-kira 1,125 kilometer ke timur laut Sandakan, Sabah pada pukul 8 pagi tadi.

Taufan berkenaan dikesan pada Latitud 12.7 U dan Longitud 125.6 T yang bergerak ke arah barat dari kawasan itu dengan anggaran kelajuan 25 km sejam, menurut kenyataan Jabatan Metereologi.

Ekoran itu keadaan angin kencang Barat Daya dengan kelajuan 40 hingga 50 km sejam dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter yang sedang berlaku di kawasan perairan Kudat dan pantai barat Sabah dijangka berterusan hingga esok.

Sementara angin kencang Barat Daya di Sulu, Palawan dan Reef North dijangka berterusan sehingga Jumaat ini dan di Phuket sehingga Isnin.

Keadaan itu berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi dan sukan laut.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 16 JULAI 2014 (RABU)



Angin Kencang, Laut Bergelora Di Perairan Sabah Berterusan Sehingga Esok

KUALA LUMPUR, 15 Julai (Bernama) -- Angin kencang dan laut bergelora (kategori pertama) dijangka berterusan sehingga esok bagi kawasan perairan Sabah (Kudat dan Pantai Barat).

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi Malaysia** malam ini, angin kencang Barat Daya dengan kelajuan 40 hingga 50 Kmsj dan ombak setinggi 3.5 meter adalah berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut.

Amaran itu dikeluarkan berikutan Taufan Rammasun dikesan kira-kira 1,015 kilometer ke Timur Laut Pitas, Sabah pada 8 malam tadi dan bergerak ke arah Barat Laut dengan kelajuan 25 Kmsj.

Amaran angin kencang dan laut bergelora (kategori pertama) dengan kelajuan 40-50 kmsj dan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter turut dikeluarkan bagi perkapanan di perairan Sulu, Palawan dan Reef North yang dijangka berterusan sehingga Jumaat ini.

Bagi perairan Phuket, keadaan sama diramal berlaku sehingga Isnin depan.

Jabatan Meteorologi Malaysia mengingatkan bahawa keadaan itu adalah berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut.

-- BERNAMA